KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR
Milik Penuh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
[ DK287(W) ]

**JAWATAN : ANGGOTA KESELAMATAN**
**JABATAN / BAHAGIAN : UNIT KESELAMATAN, KEBERSIHAN & KECERIAAN**
**TARAF JAWATAN : KONTRAK**
**KEKOSONGAN : 1**

**Ringkasan Bidang Tugas :**

1. Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset Kolej melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan warga Kolej termasuk kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan dalam Kolej.

2. Mengawal lalu lintas dalaman Kolej, meronda di dalam dan luar kawasan bangunan serta sempadan kawasan, mengawal pintu masuk, mengawal pergerakan pelawat dan kenderaan.

3. Hendaklah memahami dan mahir mengenai Peraturan Umum (General Orders) dan Peraturan Tertentu (Special Orders) mengenai Peraturan Keselamatan Kolej serta melaksanakannya.

4. Merekod tugasan dan melaporkan segala pelanggaran Peraturan Keselamatan Kolej.

5. Mencegah kecurian, kerosakan, kebakaran, kemalangan dan pengkhianatan (sabotaj) aset Kolej dan warga Kolej.

6. Memeriksa mana-mana kakitangan, pelawat, pekerja kontrak yang disyaki membawa peralatan larangan.

7. Mengawasi pekerja-pekerja luar yang sedang melakukan kerja-kerja kontrak selepas waktu pejabat (bila perlu).

8. Menangkap mana-mana penceroboh yang tiada kebenaran masuk.

9. Mengiringi pelawat ke pejabat yang dikunjungi (bila perlu).

**Syarat Kelayakan Minimum** :

1. Warganegara Malaysia.

2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan calon yang berumur 25 tahun sehingga 45 tahun adalah diberi keutamaan.

3. Memiliki sekurang-kurangnya Sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR) / Sijil Rendah Pelajaran (SRP) kelayakan yang setaraf dengannya yang diiktiraf oleh kerajaan; atau

4. Bekas anggota polis atau tentera sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan yang telah disahkan jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

5. Kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan berkebolehan menulis dan komunikasi dengan baik dalam Bahasa Melayu.

## CARA PERMOHONAN

Sekiranya anda adalah seorang yang berdaya saing, kreatif dan berinovasi, mempunyai tahap komitmen yang tinggi, berfikiran positif serta mampu bekerja dalam suasana mencabar, sila hantarkan surat permohonan, resume dan salinan sijil serta transkrip Akademik anda kepada:-

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA**
**TINGKAT 3, MENARA AKADEMIK**
**KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR**
**LOT 1363, JALAN PERKASA**
**TAMAN MALURI**
**55100 KUALA LUMPUR**

**EMAIL: peluangkerjaya_hr@kpbkl.edu.my**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT)**